


PRESTASI LOJI PENJANAAN TENAGA ELEKTRIK MENGGUNAKAN TENAGA BOLEH BAHARU BAGI SUKU TAHUN PERTAMA TAHUN 2012

1) Loji Janakuasa berasaskan RE (Renewable Energy) Utama Yang Telah Dilesenkan Sehingga Suku Tahun Pertama (Q1) 2012


Berdasarkan rekod Suruhanjaya, didapati bahawa jumlah keseluruhan lesen awam penjaanan menggunakan bahan api daripada tenaga boleh baharu adalah berjumlah 20 lesen. Daripada jumlah ini hanya 3 loji sahaja lagi yang masih belum mula tugas iaitu 15% daripada jumlah keseluruhan lesen. Kelewatan loji janakuasa tersebut untuk mula tugas adalah disebabkan masalah kewangan dan juga masalah di tapak pembinaan. Keadaan cuaca yang tidak baik memberikan impak yang besar ke atas pembinaan empangan atau takungan di loji janakuasa mini hidro. 1 loji janakuasa biogas masih dalam pembinaan dan projek tersebut baru mendapat lesen pada tahun 2011.



2) Jumlah Tenaga Elektrik Dijana Pada Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

	Jumlah Tenaga Elektrik Dijana (MWj)		Jumlah Tenaga Elektrik Dijual (MWj)	
	Semenanjung	Sabah	Semenanjung	Sabah
Loji Janakuasa berasaskan Biomias	6,957.69	46,143.79	4,579.93	37,678.73
Loji Janakuasa berasaskan Mini Hidro	12,096.06	8,025.39	11,961.71	6,653.39
Loji Janakuasa berasaskan Biogas	5,893.90	-	5,583.40	-
Loji Janakuasa berasaskan Solar PV	97.83	-	43.61	-
JUMLAH	25,045.48	54,169.18	22,168.65	44,332.12


Graf menunjukkan penjaanan elektrik menggunakan bahan api daripada sumber tenaga boleh baharu. Didapati bahawa penggunaan biomas adalah paling tinggi berbanding sumber RE yang lain. Di Sabah, penjaanan menggunakan sumber RE biomas merupakan yang tertinggi dicatatkan iaitu 85% daripada jumlah penjaanan tenaga elektrik daripada sumber RE. Sebaliknya di Semenanjung, penjaanan menggunakan sumber RE mini hidro mencatatkan rekod penjaanan tertinggi berbanding loji janakuasa lain iaitu sebanyak 48% daripada jumlah penjaanan tenaga elektrik daripada sumber RE.



3) Jumlah Penggunaan Bahan Api - Biomass Bagi Penjanaan Tenaga Elektrik

	Kapasiti Dilesenkan (MW)	Jumlah Penggunaan Bahan Api - Biomass (MT)
Loji Biomass-1	6.50	680.00
Loji Biomass-2	8.90	19,800.00
Loji Biomass-3	11.50	8,200.18
Loji Biomass-4	11.50	39,817.84
Loji Biomass-5	13.00	180.00
Loji Biomass-6	14.00	60,692.96

Graf menunjukkan penggunaan bahan api Biomass dalam penjanaan tenaga elektrik. Kesemua loji janakuasa tersebut menggunakan *Empty Fruit Bunch (EFB)* sebagai bahan api kecuali loji biomass-2 yang menggunakan *Solid Waste*. Loji Biomass-5 mencatatkan penggunaan bahanapi biomass yang paling rendah kerana didapati loji ini tidak beroperasi pada Jan-Mac. Ini adalah kerana loji jankuasa sedang menjalani proses modifikasi kerana masalah transformer yang rosak dan sedang dibaiki di kilang pengeluar. Loji ini dijangka mula beroperasi semula pada bulan April 2012. Selain itu Loji Biomass-1 juga mencatatkan penggunaan bahan api yang rendah. Ini adalah kerana loji ini baru sahaja mencapai tarikh COD tetapi operasi penjanaannya hanya stabil pada bulan Mac 2012.



4) Jumlah Pemasangan Solar PV bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

	kW
Kapasiti ≤ 72 kW	580.40
Kapasiti Pemasangan > 72 kW	1,226.70

Pada 7 Ogos 2008, YB Menteri telah mengecualikan keperluan Seksyen 9 bagi sistem penjanaan elektrik menggunakan panel suria seperti berikut;

- (a) bagi sisem tiga fasa, pada voltan tidak melebihi voltan rendah dengan kapasiti sehingga 72kW; atau
(b) bagi sisem satu fasa, pada voltan tidak melebihi voltan rendah dengan kapasiti sehingga 24kW.

Statistik ini adalah berdasarkan pemasangan di Semenanjung Malaysia

